

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BERTULIS**

DARIPADA : **DATUK WEE JECK SENG [TANJONG PIAI]**

SOALAN : **Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta**
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI menyatakan penjelasan mengapakah peruntukan membasmi makhluk perosak kepada Kementerian terlalu kecil sedangkan isu makhluk perosak menjadi keluhan utama di kampung-kampung yang menyebabkan kerugian hasil tanaman kampung yang menjejaskan pendapatan penduduk-penduduk luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Peruntukan Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) yang telah disalurkan kepada Jabatan Pertanian adalah sebanyak RM2.45 juta untuk menjalankan pengawalan perosak. Antara program yang dijalankan adalah pengawalan perosak bagi pengawalan perosak bersepadu (IPM) padi, sayur-sayuran dan buah-buahan dan kelapa. Ini juga termasuk perolehan input seperti feromon, racun, baja dan lain-lain keperluan.